

Buru Impian baru

★
Hidayah Amin

UMUR
38 thn

PEKERJAAN
Mantan Penerbit Media
Kementerian Pendidikan

*Relaku memanggumu seribu tahun lama lagi
Tapi benarkah hidup aku akan selama ini*

Anda kata perjalanan ini tiada noktah, Hidayah pasti akan terus berusaha mencapai impian yang sudah tersemai sejak kecil lagi. Beliau rela berkorban masa, tenaga dan wang ringgit untuk menjadi seorang doktor.

Namun, seperti lagu *Seribu Tahun* nyanyian Imran Ajmain, hidup ini tidak akan selamanya. Itu hakikat kehidupan. Biar pun air mata harapan dan kecewa telah berulang kali membasahi pipinya, Hidayah sedar impian yang lain perlu dikejar.

Sejak usianya lima tahun, Hidayah sudah menaman minat untuk menjadi doktor. Ketika itu, beliau sering menemani neneknya ke 'Saudara Klinik'. Beliau lihat betapa baik dan lembutnya doktor Cina yang merawat neneknya yang sakit. Apatah lagi neneknya sering merangsang Hidayah dengan kata-kata "Cik Idah, jadi doktor bagus...". Cik Idah adalah nama timangan Hidayah.

Dan matlamat itu yang dikejar Hidayah. Namun, tiada perjalanan yang lurus dan mudah.

Ketika di sekolah menengah, beliau tidak dapat ke kelas yang mengajar subjek Biologi dan ini menjejaskan peluangnya kejurusan perubatan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Apakan daya, beliau terpaksa mengikuti arus sistem dan mengikuti pengajian Politik Sains.

Sehinggalah pada 2001. Ketika itu Hidayah menyertai ekspedisi Muis ke Kemboja. Salah seorang doktor dalam kumpulan itu, Doktor Radiah Salim, yang telah mengamatinya,

bersuara: "Hidayah, awak seharusnya jadi seorang doktor."

Ia mengejutkan Hidayah untuk mengingai semula impian lamanya. "Saya tanya masih boleh ke?" ceritanya. Kenapa tidak, balas Dr Radiah, yang menjadi doktor pada usia 30-an tahun.

Maka bemulalah pendakian Hidayah untuk merealisasikan cita-citanya.

Ketika mendapat biasiswa Fulbright untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Lehigh di Amerika Syarikat pada 2006, Hidayah berazam mengetepikan masanya yang terhad, setahun lebih, untuk menghadiri kelas persiapan bagi menduduki ujian kelayakan Medical College Admission Test (MCAT) pada sebelah malam.

Selang enam bulan Hidayah kembali ke Singapura pada 2008, ibunya, Hajah Asia Jofrie, meninggal dunia. "Saya masih ingat pesan mak saya. Dia kata 'Cik Idah, mak harap Cik Idah jadi doktor supaya boleh tolong orang sakit seperti mak.'"

Bagi saya itu amanahnya kepada saya. Saya yakin akan berjaya kerana mak saya dah doakan," kata Hidayah.

Biar pun lulus ujian, Hidayah gagal mendapat tempat di kalangan lima universiti pilihannya.

PERGILAH AIRMATA

Pada masa yang sama, Hidayah memulakan tulisan mengenai sejarah Gedung Kuning, tempat kelahirannya. Proses menulis buku *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood* telah membangkitkan rasa cinta Hidayah kepada sejarah warisaninya.

Ia telah membuka pintu hatinya dan peluang untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang sejarah di Universiti Cambridge. Namun, ia juga menimbulkan dilema kepada Hidayah yang masih ingin menjadi doktor.

"Saya telah ke pusara ibu saya, saya katakan saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menjadi doktor. Saya tidak mahu emak rasa seolah-olah saya telah menghampakan permintaannya," kata Hidayah.

Hidayah telah memohon tempat di Harvard Medical School dan Universiti Cambridge tahun lalu. Awal Mac ini, beliau mendapat jawapannya. Cambridge menerimanya untuk program sarjana (MPhil-Ph.D) khusus dalam bidang sejarah.

"Walaupun diterima Cambridge, saya sedih kerana masih gagal menjadi doktor. Seorang kawan saya mengingatkan saya untuk bersyukur.

"Fokus saya kini di Cambridge. Saya ingin memartabatkan warisan Melayu, memberi perspektif dari sudut orang Melayu sendiri mengenai sumbangan kita di kepulauan di sini.

"Saya masih kekurangan dana tapi saya akan memastikan saya dapat mengikuti pengajian saya. Bergolok bergadai saya akan pastikan saya selesai pengajian Ph.D di Cambridge," ujar Hidayah yang bakal ke sana pada September ini. **m**

“Walaupun saya diterima Cambridge, saya tetap bersedih. Saya menangis kerana masih gagal menjadi doktor..”